



PERATURAN PERTANDINGAN

1. Nama Kejohanan

KEJOHANAN OLAHRAGA KARNIVAL BAKAT SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN 8-15 TAHUN

2. Anjuran

Persatuan Olahraga Wilayah Persatuan Kuala Lumpur dengan kerjasama MSWP dan MILO.

3. Objektif

3.1. Mencungkil bakat baru murid – murid dan atlet- atlet dari Wilayah Persekutuan

4. Tarikh, Masa dan Tempat

Tarikh : 2hb – 3hb Julai 2022 (Sabtu & Ahad)
Masa : 7.00 pagi hingga 6.30 petang.
Tempat : Stadium Mini MSN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur

5. Kelayakan Penyertaan

Terbuka kepada murid – murid dan atlet-atlet yang bersekolah (Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta) di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya , dan Labuan)

6. Kategori

- Lelaki dan Perempuan berumur 8 - 10 tahun
- Lelaki dan Perempuan berumur 11-12 tahun
- Lelaki dan Perempuan berumur 13-15 tahun

7. Undang-undang Pertandingan

Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-peraturan KOM/World Athletics. Sekiranya timbul sebarang kekeliruan maka peraturan di dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

8. Jenis Pertandingan

Individu dan Berpasukan

9. Acara-acara yang dipertandingkan

Bil	LELAKI (8 tahun–10 tahun)	PEREMPUAN (8 tahun–10 tahun)	Bil	LELAKI (11 tahun–12 tahun)	PEREMPUAN (11 tahun–12 tahun)
1	80m	80m	1	80m	80m
2	150m	150m	2	150m	150m
3	1200m	1200m	3	1200m	1200m
4	800m Jalan Kaki	800m Jalan Kaki	4	1600m Jalan Kaki	1600m Jalan Kaki
5	4 x 100m (Campuran – 2 lelaki, 2 perempuan)		5	4 x 100m (Campuran – 2 lelaki, 2 perempuan)	
6	Lompat Jauh	Lompat Jauh	6	Lompat Jauh	Lompat Jauh
7	Melontar Peluru	Melontar Peluru	7	Melontar Peluru	Melontar Peluru



PERATURAN PERTANDINGAN

Bil	LELAKI (13 tahun–15 tahun)	PEREMPUAN (13 tahun–15 tahun)
1	100m	100m
2	400m	400m
3	1500m	1500m
4	110m Lari Berpagar	100m Lari Berpagar
5	3000m Jalan Kaki	3000m Jalan Kaki
6	4 x 100m (Campuran : – 2 lelaki, 2 perempuan)	
7	Lompat Jauh	Lompat Jauh
8	Lompat Tinggi	Lompat Tinggi
9	Melontar Peluru	Melontar Peluru
10	Merejam Lembing	Merejam Lembing

10. Yuran Penyertaan

Bayaran Insurance RM6.00 untuk dua (2) hari.

11. Umur Kelayakan

- 11.1 Kategori 8 - 10 Tahun (Atlet yang berumur 8 - 10 tahun pada 31 Disember 2022)
- 11.2 Kategori 11 - 12 Tahun (Atlet yang berumur 11 - 12 tahun pada 31 Disember 2022)
- 11.3 Kategori 13 - 15 Tahun (Atlet yang berumur 13 - 15 tahun pada 31 Disember 2022)

12. Permohonan Penyertaan

- 12.1 Semua permohonan penyertaan **WAJIB** dibuat melalui borang penyertaan yang disertakan (**Excel format**).
- 12.2 Nama dan butir-butir peserta hendaklah diisi dengan terang dan lengkap mengikut kad pengenalan / My Kid dalam **HURUF BESAR**.
- 12.3 Atlet yang menyertai secara individu (bebas) perlu menyatakan nama dan nombor telefon bimbit ibu bapa atau penjaga untuk memudahkan jika berlaku kecemasan.
- 12.4 Semua permohonan penyertaan atlet **WAJIB** mengisi borang **kebenaran ibubapa / penjaga**,
- 12.5 Borang-borang penyertaan yang tidak lengkap tidak akan diterima. Semua borang penyertaan hendaklah dihantar kepada :

**PERSATUAN OLAHRAHA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
d/a PENERUSI JAWATANKUASA PERTANDINGAN,
TINGKAT 2, WISMA OCM, JALAN HANG JEBAT,
50150 KUALA LUMPUR.**

- 12.6 Semua borang penyertaan perlu dihantar ke Pejabat Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (POWPKL) melalui alamat emel sportftaaa@hotmail.com.

- 12.7 Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :



PERATURAN PERTANDINGAN

- Pejabat Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di talian 603-27152843 atau emel sportftaaa@hotmail.com

**NOTA :

- Adalah dimaklumkan bahawa **ATURCARA TENTATIF** akan berubah selepas tarikh tutup penyertaan.
- Jawatankuasa Pengelola berhak memeriksa Kad Pengenalan dan My Kid para peserta jika ada keperluan.

13. **Tarikh Tutup**

18hb. Jun 2022 (Sabtu) Jam 2.00 petang

14. **Tarik diri/ Penggantian**

- Sebarang pembatalan (Scratching) boleh dilakukan sebelum 27hb. Jun 2022 (Isnin)
- Penggantian** peserta yang menarik diri, hanya boleh digantikan dengan peserta yang telah didaftarkan **tanpa** sebarang **perubahan acara atau lorong** adalah dibenarkan.
- Penambahan senarai peserta adalah tidak dibenarkan selepas tarikh tutup penyertaan.

15. **Pembatalan Acara**

Acara yang **kurang daripada tiga (3)** orang peserta atau pasukan, tidak akan dipertandingkan

16. **Nombor Peserta**

- Semua peserta yang bertanding hendaklah menggunakan nombor peserta yang telah disediakan oleh jawatankuasa pertandingan.
- Nombor peserta akan diedarkan kepada pasukan-pasukan pada tarikh, tempat dan masa berikut :
Tarikh : 01hb. Julai 2022 (Jumaat)
Tempat : Stadium Mini MSN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur
Masa : 3.00 petang – 5.00 petang
- Peserta-peserta tidak akan dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai **NOMBOR PESERTA** yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola dan disematkan di dada dan belakang bagi semua acara kecuali acara lompatan dibenarkan menggunakan satu nombor.

17. **Pakaian Peserta**

- Peserta hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian.
- Pakaian peserta hendaklah tidak menjolok mata.

18. **Hadiah**

Pingat kemenangan akan diberi kepada pemenang tempat pertama hingga tempat ketiga sahaja selepas pengumuman keputusan rasmi.

19. **Kawasan Pertandingan**



PERATURAN PERTANDINGAN

- 19.1 Hanya pegawai-pegawai kejoanan yang bertugas dan peserta yang sedang bertanding sahaja dibenarkan berada di tempat pertandingan.
- 19.2 Pengurus Pasukan dan jurulatih tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan pertandingan kecuali diminta berbuat demikian oleh Pengurus Kejoanan.

20. **Sistem Pertandingan**

- 20.1 **Acara balapan:** Bagi 80m, 100m, 150m, dan 400m akan dipertandingkan di peringkat saringan, separuh akhir dan akhir kecuali 100m L/Pagar dan 110m L/Pagar akan dipertandingkan di peringkat separuh akhir dan akhir.
- 20.2 Bagi acara 1200m, 1500m, 800m Jalan Kaki, 1600m Jalan Kaki dan 3000m J/Kaki akan terus ke peringkat akhir.
- 20.3 **Acara Padang:** Hanya **4 percubaan** sahaja.
- 20.4 **Acara Lari Berganti-ganti 4 x 100m (campuran).** Penyertaan bagi acara ini terdiri dari **2 lelaki dan 2 perempuan**.

21. **Masa Melapor Diri**

- 21.1 Acara-acara **Balapan** : Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Hakim di Bilik Panggilan **30 minit** sebelum acara bermula.
- 21.2 Acara-acara **Padang** : Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Hakim di Bilik Panggilan **45 minit** sebelum acara bermula

22. **Bantahan**

Seandainya ada pihak yang membantah sesuatu keputusan, rayuan secara lisan hendaklah dibuat kepada referi berkenaan. Selepas itu rayuan secara bertulis dikemukakan kepada Juri Rayuan tidak lewat dari **30 minit** selepas keputusan acara diumumkan. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah disertakan bersama wang sebanyak RM200.00 dan wang ini tidak akan dikembalikan jika bantahan itu tidak berjaya.

23. **Hak-Hak Jawatankuasa Pengelola**

- 23.1 Setiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan acara jika perlu. Jika berlaku sebarang pindaan, pengumuman rasmi akan dibuat.
- 23.2 Atas nasihat pihak berkuasa (directive of authorities), pihak penganjur boleh membatalkan acara atau pertukaran susunan acara atau pertukaran format pertandingan
- 23.3 **Setiap peserta yang mengambil bahagian dalam kejoanan diwajibkan mematuhi SOP yang telah digaris panduan seperti di lampiran.**
- 23.4 **Peserta/pasukan tidak akan dibenarkan bertanding jika tidak mematuhi SOP atau arahan dari pihak berkuasa yang bertugas.**
- 23.5 **Sila rujuk Garis Panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti di lampirkan.**

24. **Pengesahan Penyertaan**

Semua pembatalan (scratching) hendaklah dibuat oleh pengurus pasukan masing-masing kepada ketua Penyelia Bilik Panggilan sekurang-kurangnya **satu (1) jam** sebelum acaranya dijalankan dan juga dijadualkan bermula hanya untuk pusingan pertama sahaja.



PERATURAN PERTANDINGAN

25. **Keselamatan**

Semua peserta yang menyertai pertandingan ini adalah diatas tanggungjawab dan risiko sendiri, Jawatankuasa Pengelola **TIDAK** akan bertanggungjawab atas kehilangan harta benda, **sebelum**, **semasa** atau **selepas** kejohanan ini.

26. **Perkara yang tidak dinyatakan**

Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini atau peraturan-peraturan KOM dan keputusan adalah muktamad.